

Date: December 2020

**BY HAND/REGISTERED POST**

Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN PEMATUHAN SYARIAH OLEH KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD**

---

Kami merujuk kepada perkara di atas.

*We refer to the above matter.*

2. Merujuk kepada Pelaksanaan Pematuhan Syariah oleh Bank, kami dengan sukacita ingin memaklumkan anda bahawa Bank akan melaksanakan langkah-langkah di bawah ini untuk memastikan produk Bank sentiasa patuh Syariah. Sila ambil maklum bahawa Pelaksanaan Pematuhan Syariah ini adalah perlu dan tidak akan mengubah syarat pembiayaan anda atau kewajipan anda dalam pembiayaan berkenaan dan ia akan dilakukan tanpa sebarang kos kepada anda.

*In view of the Shariah Compliance Exercise by the Bank, we are pleased to inform you that the Bank would be undertaking the steps below in order to ensure that the Bank's product are at all times Shariah compliant. Please be informed that this Shariah Compliance Exercise is necessary and it would neither change any salient terms of your financing nor your obligations in the financing and it would be done at no cost to you.*

3. Sila ambil maklum bahawa kami akan mengubah dua fasal berikut dalam Surat Tawaran yang kami keluarkan sebelumnya kepada Anda seperti berikut:

*We are informing you that we would be amending two of the following clauses in the Surat Tawaran / Letter of Offer which we issued earlier to you as follows:*

<b>Fasal Asal / Original Clause</b>	<b>Pindaan / Amendment</b>
Fasal 1.0 yang lama / Old Clause 1.0 <i>Prinsip Syariah</i>  <i>Kemudahan pembiayaan ini adalah di bawah prinsip Syariah Bai Al Inah di mana Bank Persatuan akan menjual harta kepunyaannya kepada tuan/puan secara harga tangguh dan membelinya semula daripada tuan/puan secara tunai.</i>	Fasal 1.0 Yang Baru akan menggantikan Fasal 1.0 yang lama / New Clause 1.0 will substitute the Old Clause 1.0 <i>Prinsip Syariah</i>  <i>Kemudahan pembiayaan ini adalah di bawah prinsip Syariah Bai Al Inah yang menggunakan dua kontrak jual beli yang berasingan iaitu Perjanjian Jualan Harta dan Perjanjian Pembelian Harta. Di dalam Perjanjian Jualan Harta, *Bank Persatuan menjual harta kepunyaannya kepada tuan/puan secara harga tangguh. Manakala di dalam Perjanjian Pembelian Harta, tuan/puan menjual harta kepunyaannya kepada *Bank Persatuan secara tunai.</i>  <i>*Bank Persatuan sekarang dikenali sebagai Koperasi Co-Opbank Pertama Malaysia Berhad</i>

<p><b>Fasal 16.10 / Clause 16.0</b></p> <p><b>Penjelasan Awal</b></p> <p><i>Caj Penahanan akan dikenakan sebanyak dua perpuluhan lima peratus (2.5%) ke atas baki pembiayaan jika penyelesaian awal sepenuhnya di buat di dalam tempoh dua (2) tahun bermula dari tarikh pengeluaran pembiayaan.</i></p>	<p>Fasal ini akan dipadamkan dari Surat Tawaran</p> <p><i>This clause will be deleted from the Surat Tawaran / Letter of Offer.</i></p>
--	---

4. Akan ada penukaran dari dokumentasi *Bai' Inah* lama ke dokumentasi *Bai' Inah* yang baru serta perubahan kepada Surat Tawaran untuk memastikan bahawa kandungannya mematuhi Syariah. Sila rujuk laman sesawang Bank untuk terma dan syarat lengkap dokumentasi *Bai' Inah* yang baru.

*There would be a conversion from the old *Bai' Inah* documentation to the new *Bai' Inah* documentation as well as variation to the Letter of Offer to ensure that the content of which are Shariah compliant. Please refer to the Bank's website for the full terms and conditions of the new *Bai' Inah* documentation.*

5. Untuk menyelesaikan Pelaksanaan Pematuhan Syariah ini, anda dengan ini melantik Bank sebagai ejen anda secara tak boleh batal dan tanpa syarat untuk menyempurnakan/menandatangi semua dokumen, termasuk apa-apa akad atau dokumen lain (yang berkenaan) dan semua perbuatan dan perkara yang difikirkan oleh Bank sebagai sesuai untuk memastikan bahawa pembiayaan anda dengan Bank sentiasa mematuhi Syariah.

*In order to complete this Shariah Compliance Exercise, you hereby irrevocably and unconditionally appoint the Bank as your agent to execute/sign all documents, inclusive of any akad or any other documents (as applicable) and all such deeds and things as the Bank may deem fit to ensure that the financing that you have with the Bank is at all times Shariah compliant.*

6. Walaupun demikian, untuk memastikan bahawa Pelaksanaan Pematuhan Syariah dapat dilakukan, sekiranya anda diminta untuk melakukannya oleh Bank, anda dikehendaki secara tak boleh batal bersetuju dan tanpa syarat untuk menandatangani apa-apa dokumen atau menyerahkan apa-apa dokumen atau mematuhi apa-apa arahan yang difikirkan oleh Bank sebagai sesuai.

*Nevertheless, should you be required to do so by the Bank, you shall irrevocable agree and unconditionally undertake to sign any documents or submit any documents or comply with any instruction as the Bank may deem fit, to ensure that the Shariah Compliance Exercise could be undertaken.*

7. Melainkan seperti yang dinyatakan di atas, semua terma dan syarat serta hak dan kepentingan Bank yang lain di bawah kemudahan *Bai' Inah* dan dokumen-dokuman sekuriti yang berkaitan dengannya akan kekal sah dan boleh dikuatkuasakan.

*Save for the above, all terms and conditions and other rights and interests of the Bank under the *Bai' Inah* facility and its security documents shall remain valid and enforceable.*

8. Sila maklumkan kepada kami secara bertulis dalam masa **empat belas (14) hari** dari tarikh surat ini sekiranya anda **TIDAK** bersetuju dengan Pelaksanaan Pematuhan Syariah dengan menghubungi kami di <https://borang.cbp.com.my/forms/tindakanpematuhsyariahcbp>

*Please reply to us in writing within **fourteen (14) days** from the date hereof if you **DO NOT** agree to the Shariah Compliance Exercise by contacting us at <https://borang.cbp.com.my/forms/tindakanpematuhsyariahcbp>*

9. Anda akan **DIANGGAP** telah bersetuju dengan Pelaksanaan Pematuhan Syariah secara automatik dan semua terma dan syarat yang dinyatakan dalam surat ini dan Dokumentasi *Bai' Inah* yang baru jika kami tidak menerima sebarang jawapan bertulis dari anda dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh surat ini. Sila ambil perhatian bahawa dengan menyetujui Pelaksanaan Pematuhan Syariah, anda dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan terma-terma dalam surat ini dan Dokumentasi *Bai' Inah* yang baru.

*You shall be **DEEMED** to have automatically accepted the Shariah Compliance Exercise and all the terms and conditions set forth in this letter and the new *Bai' Inah* Documentation if we do not receive any written response from you within fourteen (14) days from the date of this letter. Please take note that by accepting the Shariah Compliance Exercise, you are taken to have read, understood and accepted the terms in this letter and the new *Bai' Inah* Documentation.*

10. Kami berharap Pelaksanaan Pematuhan Syariah dapat disempurnakan sebelum berakhirnya tahun ini untuk memastikan bahawa semua produk kami mematuhi Syariah.

*We hope to complete the Shariah Compliance Exercise by this year to ensure that all of our products are Shariah compliant.*

Terima kasih.

*Thank you.*